

BERITA

Dedikasi selama 40 tahun raih pengiktirafan tertinggi Anugerah Presiden bagi Jururawat

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

CIK Nirmala Karmaroon beresakan pandemik Covid-19 yang melanda ternyata menguji keupayaan dan respons daripada semua kakitangan dalam sesebuah institusi jagaan kesihatan.

Bagi Timbalan Pengarah Kejururawatan di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) itu, kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan semasa berlakunya krisis.

Malah, ibu empat anak yang kini berusia 56 tahun itu, berserta pasukannya terpaksa bekerja sehingga lewat malam sepanjang dua tahun lalu, di kemuncak pandemik Covid-19 bagi membuat pelbagai perancangan dan respons semasa pandemik mula melanda.

“Memang sejak pandemik melanda, tugas amat mencabar buat semua kakitangan jagaan kesihatan.

“Namun, kami semua berupaya mengahurungi liku-liku sukar hasil kerjasama dan sokongan semua pihak.

“Ia bukan sekadar di peringkat

perancangan, malah seluruh kakitangan di TTSH bekerjasama bak semangat kampung yang wujud,” katanya dengan penuh bersemangat semasa dihubungi.

Tidak hairanlah di atas dedikasi itu, Cik Nirmala yang sudah bekerja dalam perkhidmatan kejururawatan sejak 40 tahun lalu, telah terpilih selaku salah seorang daripada enam jururawat yang menerima Anugerah Presiden bagi Jururawat untuk tahun ini – pengiktirafan tertinggi dalam kerjaya kejururawatan Singapura.

Presiden Halimah Yacob telah menyampaikan anugerah-anugerah tersebut kepada para penerima dalam satu acara penganugerahan di Istana.

Turut hadir termasuk Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung serta Ketua Pegawai Kejururawatan, Cik Paulin Koh.

Antara pencapaian Cik Nirmala termasuk menguruskan perancangan tenaga kerja bagi memastikan jagaan pesakit dapat dikekalkan di samping mengimbangi kehidupan dan pekerjaan para jururawat.

Namun bagi Cik Nirmala, bukan sekadar kakitangan hospital sahaja penting, malah sokongan keluarga

turut memainkan peranan baginya melaksanakan tugas dengan lancar.

“Saya sering juga pulang lewat, namun mujur buat saya, suami tersayang sentiasa menjadi teman setia saya selama ini.

“Kalau saya pulang lewat, beliau lah yang menjadi pemandu saya,” katanya lagi dengan nada tenang.

Anugerah Nasional itu mengenal pasti jururawat yang telah menunjukkan kelakonan serta sumbangan cemerlang kepada khidmat jagaan pesakit, pendidikan, kajian dan pentadbiran.

Para penerima tahun ini termasuk lima daripada hospital akut dan seorang pendidik kejururawatan.

Seorang lagi penerima ialah Klinician Jururawat Kanan di Institut Kesihatan Mental (IMH), Encik Aziz Ab Hamed, 60 tahun.

Antara pencapaiannya sepanjang 30 tahun, Encik Aziz dikatakan telah menyumbang dalam transformasi jagaan kepada model pemulihan di satu-satunya hospital psikiatri di Singapura.

Anugerah Presiden dimulakan pada 2000 dan sejak itu ia telah mengiktiraf 90 penerima termasuk mereka yang menerimanya tahun ini.



PENGIKTIRAFAN TERTINGGI: Cik Nirmala (dua dari kiri) menerima Anugerah Presiden bagi Jururawat dari Presiden Halimah yang turut dihadiri Encik Ong (kiri) dan Cik Koh. - Foto TTSH

ELD beri perincian aturan undian pos di luar negara buat warga S'pura

WARGA Singapura di luar negara, yang mengundi melalui pos dalam pilihan raya akan datang, akan mendapat pengesahan bahawa sampul surat mereka telah diterima, kata Jabatan Pilihan Raya (ELD) semalam.

Setiap sampul surat akan mempunyai kod QR unik yang tidak mengandungi maklumat peribadi dan hanya sampul surat dengan kod QR yang sah akan diterima.

Ini memastikan hanya satu kertas undi melalui pos daripada setiap pengundi luar negara yang berdaftar akan dikira, kata ELD.

Jabatan itu berkata demikian dalam satu kenyataan semalam, yang memberi kemas kini kepada maklum balas yang dikumpulkan mengenai pengaturan pengundian baru yang telah ia usulkan Mei lalu untuk pengundi di luar negara dan mereka yang berada di rumah jagaan.

Mei lalu, ELD berkata ia merancang untuk melancarkan undian melalui pos bagi pilihan raya presiden yang dijangka diadakan menjelang September tahun depan.

Sejumlah 13 parti politik dan 39 pengendali rumah jagaan serta hampir 3,300 warga Singapura di luar negara dan orang ramai telah memberi maklum balas, kata ELD.

Satu tinjauan dalam talian ke atas warga Singapura di luar negara memperoleh 3,221 maklum balas daripada 64 negara, tambahnya.

Jabatan itu berkata 82 peratus responden tinjauan dalam talian itu menyokong undian melalui pos.

Di kalangan 1,771 responden yang tidak pernah mengundi semasa tinggal di luar negara, 83 peratus berkata mereka bersedia untuk mengambil bahagian dalam pengundian melalui pos.

Bagaimanapun, responden menyatakan keprihatinan seperti keselamatan undian – seperti kiriman yang hilang, rosak atau tertangguh, ketelusan proses dan kemudahan serta kos pengundian melalui pos.

ELD berkata selain menghendaki pengundi untuk log masuk ke Perkhidmatan Pengundi ELD menggunakan Singpass untuk mengesahkan identiti dan memuat turun sampul surat dan kertas undi, terdapat perlindungan tambahan.

Selain kod QR yang unik, teknologi akan digunakan untuk mengesahkan tandatangan dakwat basah pada sampul surat terhadap tandatangan spesimen yang diberikan terlebih dahulu semasa pendaftaran untuk pengundian di luar negara.

Mengenai ketelusan, ELD berkata ia akan menjelaskan kriteria penolakan sampul surat dalam perundangan.

Sementara itu, di rumah jagaan, ELD berkata petak mengundi mudah alih akan disediakan untuk pengundi menanda kertas undi mereka secara sulit, dilindungi oleh bahagian depan dan tepi petak itu.

Ia juga akan menyediakan garis panduan yang jelas tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh kakitangan rumah jagaan.

Jika pengundi secara fizikal tidak dapat menanda kertas undi, beliau boleh meminta pegawai pilihan raya untuk membantunya berbuat demikian, sama seperti yang dilakukan di pusat mengundi biasa. Pegawai pilihan raya kedua akan menyaksikan proses itu.

ELD juga akan mengendalikannya pengundi rumah jagaan yang mungkin tidak mempunyai keupayaan mental untuk mengundi dengan cara yang sama kepada pengundi di pusat mengundi biasa.

Sebagai contoh, pengundi tidak akan diberikan kertas undi jika beliau tidak menjawab permintaan berulang kali oleh pegawai pilihan raya untuk dokumen pengenalan diri dan kad pengundian.

BERIKAN PENDAPAT DALAM HEALTHIER SG!

Apa yang akan menggalakkan anda untuk mempunyai seorang doktor keluarga?
Apa yang akan mendorong anda untuk terus mengikuti sebuah pelan kesihatan?

Sertai satu tinjauan online hari ini!

Pandangan anda penting untuk membentuk strategi **Healthier SG** atau SG Lebih Sihat.



Imbas kod QR ini untuk berkongsi pandangan anda sekarang!

Ketahui lebih lanjut mengenai Healthier SG di healthiersg.gov.sg



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

Pukul wanita terlantar, demensia: Pembantu rumah dijel 4 minggu

SEORANG pembantu rumah, yang jengkel dan letih kerana perlu menjaga seorang wanita yang mempunyai demensia dan terlantar di atas katil, menggunakan kertas tisu untuk mengelap wanita itu secara kasar.

Dia juga kemudian memukul muka wanita berusia 74 tahun itu.

Pembantu rumah itu, Siti Fariyah, 41 tahun, dijatuhi hukuman penjara empat minggu semalam selepas dia mengaku bersalah atas tuduhan menyebabkan kecederaan kepada mangsa yang lemah.

Timbalan Pendakwa Raya, Encik Chong Yong, menyatakan dalam dokumen mahkamah bahawa warga Indonesia itu bekerja dengan seorang warga Singapura berusia 43 tahun yang merupakan anak mangsa.

Wanita tua itu tinggal di Lorong Ah Soo, bersama keluarganya.

Pada 14 Februari lalu, kira-kira tengah hari, lelaki itu berada di dalam bilik tidurnya apabila mendengar ibunya menjerit memanggil isterinya.

Ketika itu hanya beliau, ibunya dan Fariyah sahaja berada di rumah.

“Beliau meluru keluar dan melihat ibunya sedang duduk tegak di atas kerusi di ruang tamu dan Fariyah menyuap nasi.

“(Lelaki) itu pergi untuk memeriksa mangsa dan mendapati terdapat kemerahan di sekitar pipi dan bibir kanannya,” kata DPP Chong.

Lelaki itu bertanya kepada ibunya apa yang berlaku dan ibunya berkata Fariyah telah memukulnya.

Beliau mendapatkan rakaman di kamera televisyen yang diletakkan di ruang tamu dan menghubungi polis pada keesokan harinya.

Siasatan mendapati sejourus sebelum wanita tua itu memanggil isteri anaknya, tangannya telah dilap oleh Fariyah dengan sehelai kertas tisu secara kasar.

Fariyah kemudian melemparkan sehelai kertas tisu ke arah mangsa dan kemudian mengelap mukanya dengan kasar.

Tidak lama selepas itu, dia memukul bahagian kanan muka mangsa.

Mangsa mendapatkan rawatan di Hospital Besar Sengkang pada 15 Februari, dan didapati ada lebam di pipi kanannya.



Get noticed
more widely.

Call 6289 8822 or e-mail notices@sph.com.sg to book your AGM & EGM, Auction & Tender, Financial Statement, IPO, Merger & Acquisition or Move to Mainboard notices.

NOTICES